

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN ALAT DEFIBRILATOR LUARAN AUTOMATIK (AED) DI BAWAH KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

1. TUJUAN

Garis Panduan Penyediaan Alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) di premis-premis baru dan sedia ada yang mempunyai kegiatan dan aktiviti aktif di bawah kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kes jantung terhenti mengejut atau *sudden cardiac arrest* (SCA) semakin meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Beribu kes SCA telah berlaku di Malaysia setiap tahun dan ramai mangsa telah kehilangan nyawa kerana tidak mendapat pertolongan cemas (*first aid*) dalam masa empat minit terawal yang dikenali sebagai masa keemasan.

Tahun	Jumlah Kematian
2020	1214
2021	1364

Sumber : Jabatan Statistik Malaysia

2.2 Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah memulakan inisiatif pemasangan alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) di kawasan awam sejak tahun 2015 di kawasan-kawasan yang mempunyai kegiatan dan aktiviti aktif seperti Taman Bandaraya, Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong, Stadium Bandaraya, Balai Rakyat, Laluan Mendaki Bukit Jambul, pejabat Majlis dan lain-lain. Kini, Majlis telah memasang alat AED di 21 lokasi milikan Majlis.

2.3 Kajian Majlis menunjukkan AED di tempat awam yang sesuai dapat menyelamatkan nyawa. Sehingga kini, sekurang-kurangnya sembilan nyawa (sehingga September 2022) telah diselamatkan di Pulau Pinang dengan menggunakan AED yang dipasang di tempat awam terutamanya di kawasan rekreasi dan sukan. Pertolongan kecemasan dengan menggunakan AED ke atas mangsa yang rebah meningkatkan kebarangkalian hidup berbanding dengan mereka yang tidak mendapat pertolongan pada waktu yang kritikal.

2.4 Memandangkan Majlis dalam proses pembangunan aplikasi superapp Pearl One Touch Penang. Maklumat dan lokasi alat AED wajar dikongsi dengan orang awam melalui aplikasi tersebut supaya orang awam dapat mengesan lokasi alat AED yang paling dekat.

2.5 Oleh yang demikian, alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) adalah disyorkan untuk dipasang di tempat-tempat awam yang sesuai dan maklumat-maklumat mengenai lokasi alat AED patut diselaraskan oleh Majlis bagi tujuan perkongsian dengan orang awam.

3. PENGENALAN MENGENAI DEFIBRILATOR LUARAN AUTOMATIK (AED)

- 3.1 Alat Defibrilator Luaran Automatik atau Automated External Defibrillator (AED) adalah alat elektronik mudah alih yang beroperasi menggunakan bateri yang sesuai digunakan untuk situasi kecemasan untuk mengaktifkan semula jantung mangsa dalam keadaan kecemasan. Alat AED senang diguna dan semua arahan penggunaan disampaikan melalui audio dan visual yang mudah difahami.
- 3.2 Alat AED dapat mengesan dan menganalisis rentak degupan jantung dan menterjemah elektrokardiogram, serta memberi nasihat kepada penyelamat sama ada untuk menyampaikan arus kejutan kepada mangsa sekiranya rentak jantung mangsa berpotensi mengancam nyawa. Kejutan elektrik ini diberikan melalui pad elektrod yang dilekatkan pada kulit dada mangsa.
- 3.3 Alat AED moden juga dilengkapi dengan arahan mengenai tatacara menjalankan proses *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR), atau kompresi dada yang perlu dijalankan bersama untuk memulihkan aliran darah mangsa dan meningkatkan peluang mereka untuk diselamatkan.
- 3.4 Alat AED boleh dikendalikan oleh sesiapa sahaja termasuk orang awam yang tidak mempunyai latar belakang atau latihan perubatan sementara menunggu bantuan daripada pegawai perubatan bertauliah.
- 3.5 Penggunaan alat AED yang bersesuaian perlu disediakan untuk mangsa yang berumur 1 hingga 8 tahun dengan pad pediatrik dan/atau *paediatric power attenuator*.

4. SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN

A. Skim Pembangunan Baru / Premis Baru

Semua skim pembangunan dan premis baru seperti yang berada dalam kategori seperti yang dinyatakan di Para 5 **diwajibkan** untuk memasang alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) di premis masing-masing. Penyediaan alat AED akan disyaratkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan untuk dipasang sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan.

B. Skim Pembangunan Sedia Ada / Premis Sedia Ada

Bagi skim pembangunan sedia ada atau premis sedia ada, pemasangan AED telah dikategorikan **mengikut keutamaan**. Tempoh pemasangan yang diberikan adalah dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun mulai tarikh kuatkuasa Garis Panduan ini, iaitu pada 1 Januari 2023. (rujuk Para 5)

5. KATEGORI PREMIS YANG DISYARATKAN UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ALAT DEFIBRILATOR LUARAN AUTOMATIK (AED) DAN TEMPOH PELAKSANAAN BAGI PREMIS-PREMIS SEDIA ADA

5.1 Skim pembangunan / premis sedia ada yang mempunyai kegiatan dan aktif diwajibkan untuk memasang alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) mengikut keutamaan:

A. Fasiliti Sukan ***

- i. Dewan Badminton
- ii. Arena dan Kompleks Sukan
- iii. *Gymnasium & Fitness Centres*
- iv. Laluan Mendaki (*Hiking Trails*) [Digalakkan untuk menyediakan alat AED]
- v. Laluan Basikan [Digalakkan untuk menyediakan alat AED]
- vi. Kawasan Sukan dan Rekreasi yang lain [Digalakkan untuk menyediakan alat AED]

B. Bangunan Kerajaan / Awam ***

- i. Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- ii. Balai Rakyat, Dewan Rakyat, Dewan Komuniti dan Dewan Serba Guna
- iii. Taman-taman Bandaraya dan Taman-taman Awam
- iv. Sekolah / Institusi Pengajian / Institusi Pengajian Tinggi [Digalakkan untuk menyediakan alat AED]
- v. Rumah-rumah Ibadat [Digalakkan untuk menyediakan alat AED]

C. Bangunan Komersial ***

- i. Pusat Membeli-belah / Pasar Raya / Pasar Raya Besar / Kompleks Komersial
- ii. Hotel dan Tempat Penginapan Pelancong
- iii. Tempat Peranginan / Tempat Tarikan Pelancong
- iv. Taman Hiburan (*Theme Parks*)

D. Hub Pengangkutan ***

- i. Lapangan Terbang Antarabangsa
- ii. Terminal Kapal Persiaran (*Cruise Terminal*)
- iii. Terminal Feri
- iv. Terminal Bas Ekspres

E. Kilang dan Bangunan Industri **

F. Kediaman / Bangunan Berstrata melebihi 100 unit *

G. Lain-Lain

- i. Premis Yang Dirasakan Perlu Oleh MBPP*

- 5.2 Majlis juga menggalakkan premis sedia ada yang tidak ternyata di atas untuk memasang alat AED mengikut keperluan serta berkongsi maklumat lokasi dengan Majlis.

NOTA:

- *** Pemasangan alat AED perlu disiapkan dalam tempoh satu (1) tahun mulai tarikh kuatkuasa / sebelum 31 Disember 2023
- ** Pemasangan alat AED perlu disiapkan dalam tempoh dua (2) tahun mulai tarikh kuatkuasa / sebelum 31 Disember 2024
- * Pemasangan alat AED perlu disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun mulai tarikh kuatkuasa / sebelum 31 Disember 2025

6. KAEDAH PELAKSANAAN

- 6.1 Penyediaan alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) bagi semua skim pembangunan dan premis baru yang termasuk dalam kategori seperti di Para 5 akan disyaratkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan. Pemasangan perlu dilaksanakan sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan.
- 6.2 Bagi skim pembangunan dan premis sedia ada seperti di Para 5, pemasangan AED adalah **mengikut keutamaan** dan tempoh pemasangan yang diberikan kepada pemunya / pihak pengurusan adalah dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun mulai tarikh kuatkuasa Garis Panduan ini, iaitu pada 1 Januari 2023.
- 6.3 Pemasangan AED bagi skim pembangunan dan premis sedia ada akan disyaratkan dalam syarat pembaharuan lesen tahunan.
- 6.4 Majlis menggalakkan pemunya / pihak pengurusan / badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk memasang alat AED di premis-premis yang tidak dikategorikan dalam Para 5.

7. LOKASI PEMASANGAN DI PREMIS

- 7.1 Alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) hendaklah dipasang di lokasi yang boleh dicapai dengan mudah apabila kes kecemasan berlaku seperti:
- A. Pintu Masuk Utama / Lobi Bangunan
 - B. Tingkat Bawah Bangunan (Ground Floor)
 - C. Ruang Kemudahan Masyarakat
 - D. Ruang Umum (Common Area)
- 7.2 Lokasi alat AED perlu dilengkapi dengan papan tanda / *signage* (Lampiran A) yang menunjukkan kedudukannya serta tatacara penggunaan alat AED (Lampiran B).

8. TANGGUNGJAWAB PEMUNYA / PIHAK PENGURUSAN PREMIS / PEMILIK ALAT DEFIBRILATOR LUARAN AUTOMATIK (AED)

- 8.1 Memastikan alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) dipasang di tempat yang sesuai dalam premis masing-masing.
- 8.2 Melaporkan kepada pihak Majlis maklumat alat AED sebaik sahaja alat AED dipasang dan mengemaskini maklumat dengan pihak Majlis sekiranya terdapat perubahan lokasi pemasangan.
- 8.3 Memastikan alat AED sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan boleh diguna pakai.
- 8.4 Penyelenggaraan alat AED
- 8.4.1 Pemunya premis / pihak pengurusan / pemilik alat AED bertanggungjawab melakukan penjadualan dan penyelenggaraan mengikut garis panduan yang disediakan oleh pembekal atau mengikut senarai semak penyelenggaraan berkala. (Lampiran C)
- 8.4.2 Senarai semak perlu dipamerkan bersama alat AED.
- 8.4.3 Penggantian pad elektrod dan bateri (setiap kali selepas penggunaan atau sebelum tarikh luput)
- 8.5 Menyedia jadual ringkas maklumat alat AED dalam pelan susun atur bangunan termasuk:
- A. Nama Bangunan
 - B. Deskripsi Lokasi Pemasangan
 - C. Jenama / Model dan No. Siri
 - D. Tarikh Luput Pad Elektrod
 - E. Tarikh Luput Bateri
 - F. Maklumat Pembekal
- 8.6 Semua lokasi pemasangan alat AED bersama dengan gambar, koordinat dan jadual ringkas maklumat alat AED perlu dihantar kepada Majlis di alamat seperti berikut:
- Jabatan Pengurusan Korporat dan Komuniti
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Pusat Informasi, Taman Bandaraya
Persiaran Kuari, 10450 George Town, Pulau Pinang

9. PEMAKAIAN

- 9.1 Garis Panduan ini boleh diubah mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan Majlis.
- 9.2 Tarikh pemakaian Garis Panduan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2023 selepas diluluskan di Mesyuarat Biasa Majlis.